



Susunan **NURUL NAFISAH MAZLAN**

RENCANA UTAMA

SEMBURAN kabut untuk menghalau nyamuk dipertingkatkan di kawasan-kawasan perumahan.



IBU hamil yang dijangkiti Zika akan melahirkan anak dengan sindrom otak kecil atau mikrosefali.



NYAMUK Aedes adalah vektor yang menyebarkan virus Zika.



*Kosmo
9/9/16
MIS 22 (K2)*

Cuaca panas, lembap punca Zika

Zika dikesan pada tahun 1947 oleh saintis yang mengkaji demam kuning di Hutan Zika yang terletak di Uganda.

PENYEBARAN virus Zika di Asia Tenggara semakin membimbangkan selepas Singapura mencatatkan 275 kes dalam tempoh seminggu.

Walaupun Singapura bukan negara pertama di Asia Tenggara yang diserang wabak itu, kepantasan penularan virus Zika di negara tersebut mengundang kegelisahan masyarakat.

Virus Zika pernah menyerang dua wanita Vietnam selepas mereka disyaki mengalami simptom-simptom penyakit itu pada April tahun ini.

Menurut Kementerian Kesihatan Vietnam, kes itu dikesan selepas seorang wanita berusia 64 tahun yang tinggal di bandar Nha Trang dan seorang lagi berusia 33 tahun dari Ho Chi Minh dilaporkan jatuh sakit.

Laporan itu mendedahkan, ujian darah yang dilakukan sebanyak tiga kali terhadap kedua-dua pesakit tersebut mengesahkan bahawa mereka dijangkiti virus Zika tetapi puncanya masih tidak dijelaskan.

Amaran merah

Sementara itu, beberapa kes yang membimbangkan turut berlaku di Thailand. Sebanyak 97 kes Zika dilaporkan sejak awal tahun ini dengan melibatkan 16 wilayah di negara Gajah Putih itu.

Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Eropah (ECDC) telah menandakan Thailand sebagai negara amaran merah kerana terdapat penyebaran meluas virus itu dalam tempoh tiga bulan lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Kawalan Penyakit Thailand, Dr. Amnuay Gajeena berkata, 97 kes jangkitan Zika dilaporkan

dalam tempoh enam bulan pertama 2016 tetapi semua pesakit itu sudah pulih.

"Pada masa ini, hanya terdapat 13 kes di empat wilayah," katanya.

Laporan mengenai jangkitan di negara-negara Asia Tenggara lain memaksa pihak berkuasa Thailand mengambill langkah-langkah memantau pelancong dari negara-negara terbabit secara lebih teliti.

"Kami mempunyai 68 pusat pemeriksaan di seluruh negara. Apabila kami mengesan pelancong yang mencurigakan, kami akan lakukan pemeriksaan darah dan ujian air kencing.

"Kami juga menggunakan hospital berhampiran sebagai pusat kuarantin," katanya.

Ternyata, penyebaran virus Zika semakin berleluasa sepanjang dua minggu lalu dan kemuncak kegelisahan masyarakat meningkat apabila Singapura mencatatkan rekod terpanjang penyakit itu.

Menurut laporan portal CNN, kes jangkitan Zika di Singapura meledak daripada sifar kepada 275 dalam tempoh seminggu.

Kebanyakan kes yang dikesan melibatkan rakyat tempatan dan individu dari China, India, Bangladesh, Malaysia

TAPAK pembinaan dan kawasan yang padat penduduk memudahkan penularan virus Zika.

serta Taiwan yang bekerja di negara itu.

Kementerian Kesihatan (MOH) Singapura dalam satu kenyataan mendedahkan, 25 kes baharu itu dikaitkan dengan kawasan wabak awal, satu dikaitkan dengan kelompok baharu, manakala satu lagi kes baharu tidak diketahui kaitannya dengan mana-mana kelompok sedia ada.

"MOH telah mengesan satu lagi kelompok berpotensi jangkitan virus Zika di kawasan Bedok North Avenue 3," katanya.

Setakat ini, punca Zika merebak dengan begitu pantas di Singapura masih belum diketahui, namun ramai yang percaya kepadatan 5.7 juta penduduk Singapura dengan iklim panas serta lembap cukup sesuai untuk nyamuk Aedes membiak.

Ciri-ciri itu turut dikongsi oleh negara-negara lain di Asia.

Zika adalah sejenis virus yang disebarkan oleh nyamuk Aedes iaitu



RENCANA UTAMA



PETUGAS hospital di Singapura memasang kelambu bagi mengalhang pesakit terkena virus Zika.

*Kosmo
9/9/16
ms 23 (k2)*

Kvektor yang sama untuk penyakit demam denggi dan chikungunya.

Ita dikesan pada 1947 oleh saintis yang mengkaji demam kuning di Hutan Zika yang terletak di Uganda. Mereka telah mengenal pasti virus Zika pada seekor monyet.

Hanya pada 1952, kes manusia pertama dijangkiti Zika dikesan di Uganda dan Tanzania.

Virus itu kemudiannya mula menular ke Pulau Yap yang terletak di Pasifik pada tahun 2007.

Sejak itu, virus Zika muncul beberapa kali dalam frekuensi yang tidak kuat di kawasan Pasifik.

Bagaimanapun, ia mencetuskan keprihatinan dunia apabila 4,000 kes mikrosefali yang berkaitan dengan Zika dilaporkan pada tahun lalu dan kebanyakannya berlaku di Brazil.

Ekoran daripada kejadian itu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan darurat peringkat antarabangsa kepada Amerika Selatan pada awal Februari 2016.

Zika yang tersebar kebanyakannya menerusi gigitan nyamuk Aedes yang dijangkiti virus itu. Ia boleh merebak daripada seorang wanita hamil kepada janin yang dikandung, sekali gus menyebabkan kecacatan yang dikenali sindrom otak kecil atau mikrosefali sekiranya dijangkiti.



INFO Virus Zika

- Mula dikesan di Afrika, Amerika Selatan dan sebilangan pulau di Kepulauan Pasifik
- Disebar kepada manusia melalui gigitan nyamuk Aedes yang turut menjadi pembawa demam denggi
- Simptom utama adalah demam, sakit kepala, ruam, sakit sendi dan mata kemerahan
- Boleh menyebabkan bayi dalam kandungan mengalami sindrom mikrosefali atau otak kecil sehingga membataskan kecerdasan dan pergerakan otot
- Boleh dicegah melalui pemberian vaksin

Virus Zika juga boleh disalurkan melalui seks dan tersebar kepada individu biasa.

Pencegahan

Setakat ini, tiada vaksin atau ubatan untuk penghidap Zika. Jika dijangkiti, rawatan hanya berdasarkan simptom.

Antara gejala infeksi virus Zika adalah demam berpanjangan, kulit berbintik merah, sakit kepala dan sakit sendi. Mata pesakit juga berubah menjadi merah.

Namun, simptom Zika amat sederhana, hanya 20 peratus pesakit Zika menunjukkan simptom berkenaan.

WHO menasihati pesakit supaya berehat dan minum air dengan kuantiti yang banyak untuk mengelak dehidrasi.

Selain itu, ambil parasetamol untuk mengurangkan demam dan elakkan

gigitan nyamuk.

Di Singapura, pihak berkuasa meningkatkan pemantauan terhadap penularan Zika dengan menyembur racun serangga di rumah-rumah untuk menghapuskan nyamuk Aedes yang membawa virus Zika.

Pegawai Agensi Alam Sekitar Kebangsaan Singapura turut membersihkan parit-parit tersumbat, tandas dan kawasan air bertakung yang boleh membantu pembiakan jentik-jentik.

Pihak hospital pula memasang kelambu pada setiap pesakit yang berpotensi.

Di Jakarta, Indonesia pula, saringan kesihatan pelancong yang datang dari Singapura dikuatkuasakan.

Jurucakap Kementerian Kesihatan

Indonesia, Oscar Primadi berkata, pihaknya mencadangkan supaya Kementerian Luar menasihati rakyat di negara itu supaya mengurangkan perjalanan tidak penting ke Singapura terutamanya bagi wanita mengandung.

Tambahnya, peralatan pengimbas haba bagi mengesan suhu badan tidak normal telah dipasang di lapan pelabuhan Indonesia dengan laluan ke Singapura termasuk lapangan terbang di Jakarta.

Malah, Australia, Taiwan, China dan Korea Selatan turut menasihati rakyatnya agar tidak berkunjung ke negara-negara yang diserang penyakit itu.

Mereka yang pulang dari Singapura pula diminta tidak mengandungi dalam tempoh dua bulan.



**KERATAN Kosmo! Jumaat
2 September 2016.**